

# CSR ruang warga FPEP UMS kongsi ilmu bersama komuniti

UB 17.03.2023 P.03

**KOTA KINABALU:** Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan program pemindahan ilmu kepada komuniti melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) di Kampung Sayap Kota Belud baru-baru ini.

Pengarah Program Universiti Bersama Komuniti Dr. Tini Maizura Mohtar berkata, program itu bertujuan memberi kesedaran melalui pemindahan ilmu kepada penduduk kampung mengenai kepentingan kebersihan, kesihatan dan keselamatan makanan dalam pengurusan sulap di kampung itu.

Katanya, perkongsian menerusi program itu mampu bertindak sebagai potensi produk baharu dan perkhidmatan pelancongan dalam pengurusan sulap di Kampung Sayap.

“Selain itu, program ini juga bertujuan memupuk semangat kesukarelawan dalam diri warga FPEP melalui aktiviti kesukarelawan dan libat sama bersama agensi kerajaan, bukan kerajaan dan komuniti.

“Di samping itu, program ini dapat membantu mening-



**KENANGAN:** Rahimie (depan, tiga kanan) merakamkan gambar kenangan bersama peserta program.

katkan kualiti kehidupan penduduk dan ekonomi setempat melalui nilai tambah dalam ilmu berkaitan pelancongan,” katanya dalam satu kenyataan sempena program itu di sini semalam.

Dalam pada itu, Penolong Pengarah Program Dr. Nor Azma Rahlin memaklumkan program CSR di Kampung Sayap itu turut mendapat sumbangan daripada Lembaga Pelancongan Sabah (STB).

“Program ini turut mendapat kerjasama daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang menjemput Dr. Spencer Heedly Mogindol sebagai penceramah jemputan yang berkongsi topik perbin-

cangan mengenai ‘Amalan Baik di Kawasan Pendakian’.

“Beliau turut memberi penerangan berkaitan penyakit berjangkit yang boleh berlaku di kawasan tarikan pelancongan khususnya pelancongan luar bandar,” katanya.

Sementara itu, Dekan FPEP UMS Prof. Madya Dr. Mohd Rahimie Abd. Karim ketika berucap merasmikan majlis penutupan program itu berkata, pihaknya sangat menghargai penerimaan yang baik daripada kalangan penduduk Kampung Sayap pada setiap program CSR yang dijalankan di kampung itu.

“Program CSR ini adalah aktiviti fakulti yang ketujuh

sejak dilaksanakan pada 2017. Justeru, syabas diucapkan kepada pihak pengurusan UMS dan FPEP, serta Kelab Kebajikan dan Rekreasi FPEP atas kerjasama dan sokongan penuh bagi menjayakan program ini.

“Diharapkan program ini dapat memberi manfaat kepada semua penduduk Kampung Sayap mahupun kepada peserta secara khususnya, serta akan terus dianjurkan siri lain pada masa akan datang,” jelasnya.

Hadir sama, Pengarah Pusat Komunikasi Korporat UMS Dr. Jakaria Dasan dan Presiden Kelab Kebajikan dan Rekreasi FPEP Dr. Faerozh Madli.